

Berita Harian
Feb 20, 2012

SOALAN:

Lewat 35 minit dihalang daftar penerbangan

JAWAPAN :

MERUJUK kepada aduan yang diterima Suara Komuniti, terlebih dulu Penerbangan Malaysia (MAS) amat dukacita dengan pengalaman yang kurang menyenangkan dihadapi pelanggan kami.

Kami cuba untuk menyiasat perkara ini sebaik mungkin, tetapi tidak boleh meneruskan siasatan disebabkan kekurangan maklumat.

Kami berharap pelanggan berkenaan dapat tampil memberi maklumat lebih lanjut seperti nama penuh dan juga nombor tiket penerbangan mereka bagi memudahkan siasatan dijalankan.

Sehubungan itu, kami mengharap jasa baik penumpang ini menghubungi MAS di talian 1 300 88 3000 atau e-mel kepada customer@malaysiaairlines.com untuk memberikan maklumat lanjut.

Kami berharap dengan kerjasama diberikan isu yang diutarakan dapat diselesaikan.

JURUCAKAP, Komunikasi Korporat Penerbangan Malaysia MAS